

18 NOV 1999

Muhammad

MUHAMMAD TERUS SOKONG BN DAN UMNO WALAUPUN TIDAK DICALON

KLANG, 18 Nov (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib hari ini berkata beliau akan terus menyokong Umno dan kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad walaupun beliau tidak dipilih untuk bertanding dalam pilihan raya kali ini.

Beliau menerima apa jua keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti termasuk keputusan untuk tidak memilihnya sebagai calon dengan hati yang terbuka, katanya.

"Saya sentiasa berdiri teguh di belakang parti dan kerajaan Barisan Nasional (BN), menyokong calon-calon yang dipilih dan akan membantu dalam kempen pilihan raya di Selangor serta peringkat nasional," katanya ketika dihubungi melalui telefon bimbitnya di sini, hari ini.

Muhammad adalah antara 17 muka lama yang digugurkan daripada senarai calon pilihan raya negeri yang diumumkan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar di Shah Alam, hari ini.

Muhammad terpaksa berundur daripada jawatan Menteri Besar apabila beliau dihadapkan ke mahkamah Brisbane atas tuduhan tidak mengisytiharkan wang berjumlah RM3.8 juta yang dibawanya di lapangan terbang Australia pada tahun 1997.

Selepas itu beliau dihadapkan ke mahkamah di sini atas satu lagi tuduhan kerana tidak mengisytiharkan harta tetapi beliau tidak dapat disabitkan terhadap kedua-dua kesalahan itu dan dibebaskan.

Muhammad berkata pada pendapatnya calon-calon yang dipilih kali ini adalah satu pasukan yang mantap dan kuat yang mampu membawa kecemerlangan kepada Selangor dan negara di alaf yang akan datang.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi peluang kepadanya menjadi wakil rakyat selama empat penggal sejak 1982 (termasuk dua penggal sebagai Menteri Besar) sebelum ini.

Muhammad berkata ketika berkempen nanti beliau akan menerangkan kepada rakyat mengenai usaha-usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara serta menampilkan kebenaran bagi menghadapi fitnah serta tohmahan yang dilemparkan oleh pembangkang.

-- BERNAMA

KM PR